# MINIT MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) ISO UPM TAHUN 2019
# SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS) ISO 9001 KALI KE-9
# UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 8 Ogos 2019 |
| Masa | : | 2.30 petang |
| Tempat | : | Bilik Mesyuarat Utama, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan |
| Kehadiran | : | **Lampiran A** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| **9.1** | **KATA ALUAN PENGERUSI** | |
| | Pengerusi: | |
| | (a) memulakan mesyuarat dengan bacaan Al-Fathihah. | |
| | (b) mengumumkan pelantikan ahli mesyuarat baharu dan ucapan terima kasih kepada ahli yang telah tamat tempoh sebagaimana **lampiran 1**. | **Makluman** |
| | (c) mengucap terima kasih dan tahniah kepada semua pekerja Universiti Putra Malaysia (UPM) kerana berjaya mengekalkan pensijilan ISO 9001:2015 pada tahun 2018. | **Makluman** |
| | (d) memaklumkan UPM telah dipersijilkan dengan satu pensijilan ISO 9001 mulai tahun 2011 hingga kini dan UPM komited untuk mengekalkan pensijilan ISO 9001:2015 pada tahun 2019. | **Makluman** |
| | (e) memaklumkan penggunaan nombor pensijilan baharu iaitu QMS 00794 menggantikan nombor pensijilan sebelum ini iaitu AR 2020. | **Makluman** |
| | (f) memaklumkan berkenaan skop pensijilan UPM iaitu "Perkhidmatan pengajian pendidikan di peringkat tertiary, pengurusan dan pelaksanaan penyelidikan, perhubungan industri dan masyarakat, pengurusan pembangunan pelajar dan alumni, dan perkhidmatan korporat". Skop Sistem Pengurusan Kualiti yang merangkumi semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran prauniversiti, prasiswazah (kecuali pra persediaan Diploma Sains) dan siswazah, pengurusan dan pelaksanaan penyelidikan, dan perkhidmatan sokongan. | **Makluman** |
| | (g) memaklumkan pernyataan Dasar Kualiti UPM yang dibuat pada 20 Jun 2017 sehingga kini masih relevan dan sesuai dengan keperluan Standard ISO 9001:2015, walau bagaimanapun perubahan terkini akan dibuat pada nama Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) kerana pelantikan Pengerusi LPU berkuatkuasa pada 19 Ogos 2019. Pengerusi memaklumkan bahawa LPU adalah pemegang kuasa pembuat dasar. | **Makluman dan tindakan Pusat Jaminan kualiti (CQA)** |
| | (h) memaklumkan berkaitan pelaksanaan MKSP adalah keperluan dalam Standard MS ISO 9001:2015 klausa 9.3 yang perlu dilaksana sebelum Audit Badan Pensijilan yang mana sekiranya tidak dilaksana akan mendapat laporan ketakakuran (NCR). | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (i) mengimbas semula keahlian dan terma rujukan (TOR) MKSP serta struktur pengurusan dan pemantauan keseluruhan kualiti ISO sebagaimana **Lampiran 2**. Pengerusi mengingatkan ahli supaya memberi keutamaan untuk menghadiri mesyuarat ini yang merupakan mesyuarat yang tertinggi dalam Sistem Pengurusan Kualiti sebagai bukti kepimpinan dan komitmen pengurusan PTJ sebagaimana klausa Standard. | **Makluman dan tindakan semua** |
| **9.2** | **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT** | |
| | Minit Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ISO 2018 QMS ISO 9001 kali ke-8 disahkan dengan pindaan, iaitu: | **Setiausaha** |
| | Pada Minit 8.5.5 (b) i, Audit Dalaman QMS 2018 telah diadakan pada "21-25 Mei 2018" dipinda kepada "26-29 Mac 2018 & 2-5 April 2018". | |
| **9.3** | **TINDAKAN SUSULAN DARIPADA MESYUARAT LEPAS** | |
| | Mesyuarat: | |
| | 9.3.1 dimaklumkan berkenaan 17 daripada 18 tindakan susulan telah dilaksana daripada mesyuarat yang lepas sebagaimana **Lampiran 3;** | **Makluman** |
| | 9.3.2 mengambil perhatian pada Minit 8.5.5 (b) iaitu terdapat 3 PTJ yang masih belum membuat tindakan penutupan penemuan NCR dan OFI bagi tahun 2018 iaitu Pusat Pembangunan Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC), Fakulti Pertanian (FP)dan Pusat Asasi Sains Pertanian (PASP). Mesyuarat bersetuju menetapkan tarikh akhir tindakan penutupan penemuan audit pada 17 September 2019 bagi FP dan PASP manakal 30 Disember 2019 bagi iDEC keranan melibatkan penambahbaikan sistem atas talian. | **TWP FP, PASP dan iDEC** |
| **9.4** | **PERUBAHAN ISU LUARAN DAN DALAMAN UNIVERSITI YANG RELEVAN DENGAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Perubahan Isu Luaran dan Dalaman Universiti yang Relevan Dengan Sistem Pengurusan Kualiti yang telah dibentang oleh Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan sebagaimana pada **Lampiran Kertas Agenda 4.0.** Mesyuarat: | |
| | 9.4.1 mengambil maklum keperluan pelaporan perubahan isu dalaman dan luaran yang relevan dengan Sistem Pengurusan Kualiti adalah bagi mematuhi keperluan Standard ISO 9001:2015 klausa 9.3.2, input kajian semula pengurusan. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | 9.4.2 mengambil maklum berkaitan isu luaran dan dalaman UPM, iaitu: | |
| | (a) tahun 2018 pernyataan isu luaran dan dalaman yang relevan dengan Sistem Pengurusan Kualiti telah mula dikenal pasti dan dinilai serta telah dilapor dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti ke-43 pada 14 Februari 2019; | **Makluman** |
| | (b) tahun 2019 pernyataan isu luaran dan dalaman yang sama juga telah dinilai pada awal tahun mengikut tempoh kawalan yang telah ditetapkan, iaitu: | **Makluman** |
| | i. bagi isu luaran dan dalaman yang telah dinilai dengan tahap penilaian risiko adalah Rendah selama 2 tahun berturut-turut, isu tersebut akan digugurkan pada tahun berikutnya; | |
| | ii. bagi isu luaran dan dalaman yang ingin dihapuskan kerana sudah tidak relevan dengan operasi Pusat Tanggungjawab, isu tersebut akan digugurkan pada tahun berikutnya; dan | |
| | iii. bagi isu luaran dan dalaman yang telah dinilai dengan tahap penilaian risiko Sederhana dan Tinggi, isu tersebut akan dikekalkan. | |
| | 9.4.3 mengambil perhatian jumlah pernyataan isu keseluruhan 81 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di UPM adalah sebanyak 508 isu sebagaimana perincian pecahan seperti berikut: | **Makluman** |
| | (a) isu dalaman sebanyak 391 dan isu luaran sebanyak 117; | |
| | (b) pecahan mengikut kategori PTJ seperti rajah berikut: | |

| Fakulti | Sekolah | Akademi |
|---|---|---|
| 113 | 11 | 2 |
| **Institut** | **Pusat** | **Pejabat** |
| 77 | 104 | 38 |
| **Bahagian** | **Kolej** | **Perkhidmatan** |
| 25 | 102 | 36 |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| 9.5 | **MAKLUMAT PRESTASI DAN KEBERKESANAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI** | |
| | **9.5.1 Kepuasan Pelanggan dan Maklum Balas Pihak Berkepentingan** | |
| | Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan kepuasan pelanggan 2018 dan maklum balas pihak berkepentingan 2019 yang dibentangkan oleh Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU) sepertimana di **Lampiran Kertas Agenda 5.1** serta mengambil tindakan berikut: | |
| | (a) mengambil maklum sebanyak 553 maklum balas yang merangkumi 159 aduan, 35 cadangan, 16 penghargaan dan 343 pertanyaan telah diterima daripada empat kategori pengguna iaitu orang awam, pelajar, pembekal dan pekerja UPM bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2018. | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum sebanyak 475 maklum balas telah selesai tindakan manakala 78 maklum balas lagi telah diambil tindakan dan dalam proses penutupan oleh pusat tanggungjawab (PTJ) yang terlibat. | **Makluman** |
| | (c) mengambil maklum pelaksanaan kajian kepuasan pelanggan tahun 2018 melibatkan skop perkhidmatan dan jumlah responden sepertimana berikut:<br>i. Pengajian Prasiswazah melibatkan 593 responden;<br>ii. Pengajian siswazah melibatkan 389 responden;<br>iii. Penyelidikan dan Inovasi melibatkan 377 responden;<br>iv. perkhidmatan sokongan melibatkan seramai 4948 responden. | **Makluman** |
| | (d) mengambil perhatian berhubung komen/cadangan berkaitan aspek teknologi maklumat dan komunikasi, kemudahan fizikal, komunikasi pelanggan, penambahbaikan sistem, proses kerja yang panjang, kemudahan fizikal di kolej, kemudahan fizikal dan penyampaian maklumat yang diterima hasil kajian kepuasan pelanggan 2018 dan meminta PTJ yang terlibat mengenalpasti tindakan yang bersesuaian bagi setiap komen/cadangan yang dikemukakan. | **Semua Ketua PTJ, TWP PP & TWP PTJ yang berkenaan** |
| | (e) mengambil maklum laporan maklum balas pihak berkepentingan tahun 2019 bagi skop akademik dan antarabangsa, penyelidikan dan inovasi dan jaringan industri dan masyarakat sedang dalam proses tindakan dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti kali ke-46 akan datang. Sehingga Ogos 2019, proses tindakan yang telah dilaksana adalah pengubalan soalan, *pilot test*, edaran maklum balas kepada pihak berkepentingan dan analisis data. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | **9.5.2 Pencapaian Objektif Kualiti**<br>Mesyuarat mengambil maklum:<br>(a) Objektif Kualiti merupakan keperluan Standard ISO 9001:2015 di bawah klausa 6.2.1. Objektif Kualiti UPM terdiri daripada tiga (3) kategori iaitu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM, pencapaian Pelan Tindakan peringkat Fungsian dan Aras, dan Piagam Pelanggan (terdiri daripada proses utama Universiti dan proses sokongan dan operasi perkhidmatan sokongan).<br>(b) Penyediaan Objektif Kualiti ini menunjukkan kepimpinan dan komitmen pengurusan atasan sebagaimana klausa 5.1. | |
| | **9.5.2.1 Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 2018 dan Penetapan KPI 2019**<br>Mesyuarat dimaklum berhubung laporan pencapaian KPI 2018 dan penetapan KPI 2019 menerusi pembentangan oleh Pengarah Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (CoSComm) sebagaimana **Lampiran Kertas Agenda 5.2 (a)**, serta mengambil tindakan berikut: | |
| | (a) mengambil maklum pencapaian KPI UPM tahun 2018 telah dibincang dan dibentangkan pada Bengkel Penilaian Pencapaian KPI Suku Keempat 2018 bersama Pengurusan Universiti dan Ketua Pusat Tanggungjawab pada 1 Februari 2019. | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum ringkasan pencapaian KPI UPM tahun 2018 iaitu sebanyak 88.5% yang merangkumi 34 KPI. Ringkasan pencapaian KPI mengikut peratusan adalah seperti berikut:<br>• pencapaian >100% sebanyak 20 KPI;<br>• pencapaian 75% hingga 99% sebanyak 9 KPI;<br>• pencapaian 0% hingga 74% sebanyak 5 KPI. | **Makluman** |
| | (c) mengambil maklum semua KPI yang tidak mencapai sasaran telah dibuat penambahbaikan dan elemen penambahbaikan diambil kira dalam penetapan sasaran KPI 2019. | **Makluman** |
| | (d) mengambil maklum penetapan 37 KPI UPM tahun 2019 adalah sebagaimana yang dilapor dan mesyuarat mengambil perhatian perkara berikut:<br>i. pertambahan 7 KPI dan 5 sub KPI baharu;<br>ii. Penggabungan 4 KPI menjadi 2 KPI; dan<br>iii. Pengguguran 2 KPI daripada KPI 2018. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|---|
| | **9.5.2.2** | **Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras 2018** | |
| | | Mesyuarat dimaklumkan berhubung Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras oleh Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti serta mengambil tindakan berikut: | |
| | | (a) mengambil maklum sebanyak 8 objektif bagi Proses Utama, 7 objektif bagi Proses sokongan, dan 33 objektif bagi Operasi Perkhidmatan Sokongan melibatkan sebanyak 65 petunjuk prestasi yang diukur pada tahun 2018. | **Makluman** |
| | | (b) mengambil maklum ringkasan pencapaian Pelan Fungsian dan Aras tahun 2018 adalah seperti berikut:<br>• Sebanyak 40 objektif melibatkan 55 petunjuk prestasi mencapai sasaran;<br>• Sebanyak 8 objektif yang melibatkan 10 petunjuk prestasi tidak mencapai sasaran. | **Makluman** |
| | | (d) mengambil maklum perincian pencapaian pelan tindakan peringkat fungsian dan aras mengikut proses dan Peneraju adalah sebagaimana di **Lampiran Kertas Agenda 5.2 (b).** | **Makluman** |
| | | (e) mengambil maklum 8 Objektif kualiti 2018 yang tidak mencapai sasaran telah dilaksana tindakan pembetulan. | **Makluman** |
| | | (f) mengambil perhatian 48 Objektif dengan 65 petunjuk prestasi telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-43 yang telah diadakan pada 14 Februari 2019, dan pelaporan pencapaian dilaksana sebanyak 2 kali setahun. | **Makluman** |
| | **9.5.2.3** | **Pencapaian Piagam Pelanggan tahun 2018** | |
| | | Mesyuarat dimaklumkan berhubung Pencapaian Piagam Pelanggan tahun 2018 oleh Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU) sebagaimana **Lampiran Kertas Agenda 5.2 (c)**, serta mengambil tindakan berikut: | |
| | | (a) mengambil perhatian sebanyak 20 piagam pelanggan skop proses utama (Prasiswazah, siswazah dan Penyelidikan dan Inovasi) telah mencapai sasaran manakala 5 tidak mencapai sasaran. Bagi skop sokongan, sebanyak 89 piagam pelanggan mencapai sasaran manakala 25 tidak mencapai sasaran. | **Makluman** |
| | | (b) mengambil maklum bahawa kesemua piagam pelanggan yang tidak mencapai sasaran telah diambil tindakan oleh peneraju proses yang terlibat. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | **9.5.3 Ketakakuran dan Tindakan Pembetulan** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Ketakakuran dan Tindakan Pembetulan yang telah dibentang oleh Wakil Pengurusan sebagaimana pada **Lampiran Kertas Agenda 5.3**. Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum laporan ketakakuran dan tindakan pembetulan direkodkan dan dilaksana berdasarkan keperluan Standard Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015 Klausa 10.2 dan dilaporkan pada mesyuarat ini bagi mematuhi Klausa 9.3; | **Makluman** |
| | (b) sumber ketakakuran yang direkodkan adalah daripada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM, Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras, Piagam Pelanggan, Aduan Pelanggan dan Audit Dalaman UPM; | **Makluman** |
| | (c) bilangan ketakakuran/tidak mencapai sasaran yang telah dikenal pasti berjumlah 459 seperti berikut: | **Makluman** |

| Sumber Ketakakuran | Bil. Ketakakuran |
|---|---|
| i. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM Q4/2018 | 14 |
| ii. Pelan Tindakan Peringkat Fungsian & Aras Q4/2018 | 8 |
| iii. Piagam Pelanggan Q4/2018 | 30 |
| iv. Aduan Pelanggan Q4/2018 | 159 |
| v. Laporan Ketakakuran (NCR) Audit Dalaman Tahun 2019 | 248 |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (d) mengambil perhatian tindakan pembetulan bagi setiap ketakakuran yang dilaporkan ini telah diambil tindakan/dibentangkan melalui saluran komunikasi yang berkaitan. Mesyuarat bersetuju semua tindakan pembetulan yang telah dikenal pasti perlu diambil tindakan mengikut tempoh ditetapkan bagi memastikan sasaran adalah tercapai atau ketakakuran tidak berulang. | **Semua Ketua PTJ, TWP PP, TWP PTJ & Peneraju yang berkenaan** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | **9.5.4 Penemuan Audit** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Penemuan Audit yang telah dibentang oleh Wakil Pengurusan sebagaimana pada **Lampiran Kertas Agenda 5.4.** | |
| | **9.5.4.1 Audit SIRIM 2018** | |
| | Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum Audit Pensijilan Semula Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015 pada tahun 2018 telah dilaksanakan pada 21 hingga 25 Mei 2018 di Kampus Serdang dan Bintulu. | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum seramai 14 orang Juruaudit telah melaksanakan audit selama 5 hari di 30 lokasi PTJ diaudit. | **Makluman** |
| | (c) mengambil perhatian UPM telah menerima satu (1) laporan Ketakakuran (NCR) dan 29 Peluang Penambahbaikan (OFI). Mesyuarat dimaklumkan NCR telah disah penutupan oleh pihak SIRIM dan mendapat syor bagi pengekalan pensijilan MS ISO 9001:2015. | **Makluman** |
| | (d) mengambil perhatian bukti tindakan OFI audit SIRIM 2018 yang dilaksana oleh PTJ akan disemak keberkesanan tindakan pada Audit SIRIM tahun 2019 yang akan mula dilaksanakan pada 17 hingga 27 September 2019. | **Semua PTJ yang berkaitan** |
| | **9.5.4.2 Audit Dalaman QMS 2019** | |
| | Mesyuarat: | |
| | (a) Audit dalaman perlu dilaksanakan bagi mematuhi keperluan standard Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015 klausa 9.2 Audit Dalaman menyatakan Organisasi hendaklah menjalankan audit dalaman secara berkala. | **Makluman** |
| | (b) mengambil perhatian mulai tahun 2019, UPM melaksanakan *Decentralize audit* (audit dalaman diurus oleh PTJ masing-masing) bermula 27 Februari hingga 30 April 2019 (merangkumi 100% PTJ di bawah skop pensijilan). | **Makluman** |

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA / CATATAN</th><th>TINDAKAN/ MAKLUMAN</th></tr>
<tr><td></td><td>(c) mengambil perhatian jumlah penemuan audit dalaman QMS tahun 2019 adalah sebanyak 248 NCR dan 306 OFI. Berikut adalah ringkasan penemuan audit tertinggi mengikut PTJ, Klausa dan Proses (perincian keseluruhan penemuan audit dalaman adalah melalui Portal Jaminan Kualiti, PortalCQA).
<table>
<tr><th>Penemuan</th><th>Bilangan NCR</th><th>Bilangan OFI</th></tr>
<tr><td>PTJ</td><td>• Taman Pertanian Universiti (19)<br>• UPM Kampus Bintulu (14)<br>• Fakulti Perhutanan (11)<br>• Fakulti Pertanian (10)<br>• Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (10)</td><td>• UPM Kampus Bintulu (21)<br>• Taman Pertanian Universiti (18)<br>• Institut Biosains (15)<br>• Entiti Pejabat Naib Canselor (14)<br>• Perpustakaan Sultan Abdul Samad (12)</td></tr>
<tr><td>Klausa</td><td>8.5.1<br>Kawalan Penyediaan pengeluaran & perkhidmatan (86)</td><td>7.5.2<br>Mewujud dan mengemaskini (52)</td></tr>
<tr><td>Proses</td><td>Prasiswazah (40)</td><td>Pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (25)</td></tr>
</table></td><td>Makluman dan tindakan PTJ berkenaan</td></tr>
<tr><td></td><td>(d) mesyuarat mengambil perhatian peratus penutupan penemuan audit dalaman adalah salah satu kriteria Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran UPM sub komponen Pengurusan Kualiti. Mesyuarat meminta PTJ melaksanakan penutupan penemuan audit dalaman melalui Portal Jaminan Kualiti (PortalCQA) mengikut tempoh yang ditetapkan.<br><br>9.5.5 Prestasi Penyedia Luar<br><br>Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Prestasi Penyedia Luar UPM yang telah dibentang oleh Timbalan Wakil Pengurusan, Pejabat Bursar sebagaimana pada Lampiran Kertas Agenda 5.5. Mesyuarat:</td><td>TWP PTJ berkenaan</td></tr>
<tr><td></td><td>(a) mengambil maklum sebanyak 33,970 transaksi pembekal telah dibuat penilaian dengan skala markah sebanyak 4,440 transaksi iaitu 13.07% telah mendapat skor penilaian 95% dan ke atas, 27,509 mendapat skor 79%-94%, dan 1,983 mendapat skor di antara 51%-79% manakala 38 transaksi iaitu 0.11% diberi markah 50% dan ke bawah dan dibuat tindakan pemantauan untuk penambahbaikan pada masa akan datang;</td><td>Makluman</td></tr>
</table>

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (b) mengambil maklum analisis proses penilaian prestasi dibuat mengikut jenis perolehan iaitu bekalan/perkhidmatan/kerja berdasarkan kriteria yang ditetapkan; | **Makluman** |
| | (c) mengambil maklum 38 transaksi pembekal yang mendapat skala markah kurang memuaskan adalah kerana:<br>i. kelewatan semasa penghantaran bekalan di pusat tanggungjawab dan sukar dihubungi;<br>ii. bekalan yang dihantar kurang kualiti;<br>iii. pembekal tidak mematuhi syarat-syarat seperti di dalam dokumen kontrak perjanjian;<br>iv. syarikat tidak mengikut spesifikasi kerja yang ditetapkan dan<br>v. syarikat membekalkan pekerja yang tidak mencukupi. | **Makluman** |
| | (d) mengambil perhatian Pejabat Bursar telah mengadakan perbincangan dengan pembekal-pembekal yang mendapat markah kurang memuaskan pada 6 Jun 2018, 14 Ogos 2018, 21 September 2018, 29 November 2018 dan 21 Februari 2019. Pembekal dimaklumkan mengenai penilaian yang telah dibuat dan implikasi sekiranya prestasi masih pada tahap kurang memuaskan. Mesyuarat dimaklumkan hasil perbincangan tersebut, pembekal bersetuju untuk menambah baik prestasi perkhidmatan pada masa akan datang. | |
| | (e) mengambil perhatian keperluan PTJ untuk mendapatkan rekod pembekal yang bermasalah sebagai panduan dalam mendapatkan perkhidmatan bekalan/ perkhidmatan/kerja yang berkualiti serta membantu pemantauan prestasi pembekal peringkat PTJ | **TWP Pejabat Bursar** |
| | (f) meminta semua PTJ melaksanakan penilaian terhadap prestasi pembekal secara telus dan tepat bagi membantu pemantauan terhadap prestasi sebenar pembekal menepati keperluan dan ekspektasi yang ditetapkan PTJ. | **Semua PTJ** |
| **9.6** | **KECUKUPAN SUMBER** | |
| | **9.6.1 Sokongan Sumber Manusia** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Sokongan Sumber Manusia yang telah dibentang oleh Timbalan Wakil Pengurusan, Pejabat Pendaftar sebagaimana pada **Lampiran Kertas Agenda 6.1**. Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum laporan perjawatan, permohonan jawatan kritikal di UPM, perjawatan baharu di Hospital pengajar, pembangunan dan latihan staf. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (b) mengambil perhatian strategi dan penambahbaikan sumber manusia tertumpu kepada penambahbaikan tabdir urus dan pendekatan pelaksanaan dasar yang cekap dan berkesan, sebagaimana keperluan standard, klausa 9.2.3 (d); | **Pendaftar** |
| | (c) mengambil perhatian sistem 'Exit Policy' di UPM yang dilaksanakan adalah kepada pekerja yang mendapat penilaian prestasi 60% dan ke bawah. Pelaksanaan ini mengambil tempoh selama 3 tahun yang melalui beberapa fasa. Mesyuarat meminta Ketua PTJ memberi markah yang tepat berdasarkan prestasi sebenar pekerja sekiranya pekerja ingin memasukkan pekerja yang berprestasi rendah ke dalam sistem 'Exit Policy' ini. | **Semua Ketua PTJ** |
| | **9.6.2 Sokongan Sumber Kewangan** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Sokongan Sumber Kewangan UPM yang telah dibentang oleh Timbalan Wakil Pengurusan, Pejabat Bursar sebagaimana pada **Lampiran Kertas Agenda 6.2**. Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum laporan pendapatan dan perbelanjaan tahun 2018 melalui Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Mengurus UPM dan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Geran Penyelidikan UPM. | **Makluman** |
| | (b) mengambil perhatian strategi sumber dalaman tahun 2019 melalui inisiatif program bagi tujuan penjanaan pendapatan dengan anggaran sebanyak RM115 juta iaitu melalui program T20, *Short courses* (caj perkhidmatan 15%), tambahan bilangan enrolmen pelajar antarabangsa, *summer school*, sewaan pencawang berpusat dan yuran komputer, bidaan kerajaan dan inisiatif baharu iaitu projek parkir bertingkat, cadangan caj lebihan kuota data internet untuk pekerja dan pelajar, dan pemantapan pengurusan tunai (Money Market). Mesyuarat meminta pejabat Bursar membuat pemantauan status pelaksanaan program di bawah inisiatif ini. | **Bursar** |
| | (c) mengambil perhatian strategi dan penambahbaikan sumber kewangan mengambil kira kecukupan sokongan sumber kewangan, sebagaimana keperluan standard, klausa 9.3.2 (d). | **Makluman** |
| 9.7 | **KEBERKESANAN TINDAKAN BAGI MENANGANI RISIKO DAN PELUANG** | |
| | Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan Keberkesanan Tindakan bagi Menyatakan Risiko dan Peluang menerusi pembentangan oleh Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan sebagaimana **Lampiran Kertas Agenda 7.0.** Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum penilaian risiko dibuat adalah berdasarkan keperluan Standard Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015 klausa 6.1 Tindakan menyatakan risiko dan peluang dan perlu dilaporkan dalam MKSP sebagaimana klausa 9.3.2, input kajian semula pengurusan. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (b) mengambil maklum penilaian risiko di UPM dilaksana secara berkala iaitu dua (2) kali setahun bagi penilaian Januari hingga Jun dan Januari hingga Disember. | **Makluman** |
| | (c) mengambil makluman penilaian awal risiko operasi tahun 2019 bagi 508 pernyataan isu (isu luaran dan dalaman) seperti berikut:<br><br>i. tahap risiko Rendah sebanyak 191 (37%);<br>ii. tahap risiko Sederhana sebanyak 258 (51%);<br>iii. tahap risiko Tinggi sebanyak 59 (12%). | **Makluman** |
| | (d) mengambil perhatian laporan Penilaian Risiko Sukuan Kedua tahun 2019 (Q2/2019) iaitu dari 508 pernyataan isu, sebanyak 338 telah dibuat penilaian dan 170 belum dinilai (akan dinilai pada Q4/2019). Berikut adalah tahap penilaian risiko operasi:<br><br>i. tahap risiko Rendah sebanyak 210 (62%);<br>ii. tahap risiko Sederhana sebanyak 107 (32%) ;<br>iii. tahap risiko Tinggi sebanyak 21 (6%). | **Makluman** |
| | (e) mengambil makluman tahap penilaian risiko Q2/2019 mengikut Kumpulan PTJ (Fakulti, Sekolah, Akademi, Institut, Pusat, Pejabat, Bahagian, Kolej dan Perkhidmatan). Mesyuarat mengambil perhatian setiap PTJ (81 PTJ) melaksanakan penilaian semua risiko walaupun terdapat pernyataan isu yang sama di antara PTJ, ini disebabkan setiap PTJ mempunyai tindakan dan tahap risiko yang berbeza. | **Makluman** |
| | (f) mengambil maklum penilaian risiko operasi Q2/2019 ke atas pernyataan isu yang memberi kesan kepada lapan (8) bidang utama KPI Universiti (Akademik dan Antarabangsa, Penyelidikan dan Inovasi, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Jaringan Industri dan Masyarakat, Sumber Manusia, Pengurusan Kewangan dan Aset, Perkhidmatan Perpustakaan dan ICT dan Pertanian). Mesyuarat mengambil perhatian kepada penilaian risiko tahap tinggi seperti berikut:<br><br>i. Sumber Manusia sebanyak 8 risiko tinggi;<br>ii. Pengurusan Kewangan dan Aset sebanyak 5 risiko tinggi;<br>iii. Akademik dan Antarabangsa sebanyak 4 risiko tinggi;<br>iv. Jaringan Industri dan Masyarakat sebanyak 2 risiko tinggi;<br>v. Penyelidikan dan Inovasi sebanyak 2 risiko tinggi. | **Makluman** |
| | (g) mengambil perhatian kawalan tindak balas ke atas risiko operasi Q2/2019 bagi pernyataan isu yang telah dinilai dan meminta PTJ melaksanakan kawalan berdasarkan kaedah kawalan yang dipilih bagi memastikan tahap risiko operasi terkawal. | **Semua PTJ** |
| **9.8** | **PELUANG PENAMBAHBAIKAN**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Peluang Penambahbaikan yang telah dibentang oleh Wakil Pengurusan sebagaimana pada **Lampiran Kertas Agenda 8.0**. Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum keperluan melaksanakan penambahbaikan secara berterusan bagi mematuhi keperluan Standard MS ISO 9001:2015. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (b) mengambil perhatian dua (2) peluang penambahbaikan yang telah direkodkan dan dalam proses pelaksanaan tindakan oleh Peneraju seperti berikut:<br><br>i. merintis kaedah pengkomersilan inovatif melalui penubuhan Hab Validasi Pasaran (InnoHub); dan<br><br>ii. meningkatkan peluang pendanaan penyelidikan poltri di UPM | **TWP Pejabat TNCPI** |
| **9.9** | **HAL-HAL LAIN** | |
| | **9.9.1 Hakcipta Prosedur dan Garis Panduan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)**<br><br>Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum Prosedur dan Garis Panduan Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (TNCPI) yang dibangunkan yang telah dibangunkan telah telah memperoleh Hakcipta daripada Perbadanan Harta Intelek Malaysia iaitu Modul EZI-SPK (LY2017001569). Dokumen ini menggunakan kaedah 'User base' berbanding 'Process base' yang diamalkan dokumentasi peneraju lain. | **Makluman** |
| | (b) mengambil perhatian dokumentasi pejabat TNCPI ini mempunyai satu (1) Prosedur dan 3 Garis Panduan untuk 3 pengguna iaitu Penyelidik, Pusat Tanggungjawab dan Pejabat TNCPI. | **Makluman** |
| | (c) meminta supaya inisiatif ini boleh dijadikan inspirasi kepada Timbalan Wakil Pengurusan Peneraju Proses (TWP PP) lain di UPM. | **Semua TWP PP** |
| **10.0** | **KESIMPULAN KESELURUHAN** | |
| | Secara keseluruhannya didapati bahawa Dasar Kualiti Universiti Putra Malaysia (UPM) adalah sesuai dan dikekalkan.<br><br>Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2015 adalah mencukupi dan berkesan.<br><br>Justeru, UPM berupaya mengekalkan pensijilan QMS MS ISO 9001:2015, yang melibatkan semua entiti/PTJ UPM.<br><br>Kesimpulannya pihak universiti bersedia untuk menghadapi audit oleh badan pensijilan yang akan dilaksanakan pada tahun 2019. | **Makluman** |
| | **PENANGGUHAN**<br><br>Mesyuarat tamat pada jam 5.00 petang dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi. | |

**LAMPIRAN A**

**SENARAI KEHADIRAN MKSP**

HADIR

1. Profesor Datin Paduka Dr. Aini Idris **Pengerusi**
   Naib Canselor

2. Profesor Ts. Dr. M. Iqbal Saripan
   Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

3. Profesor Dato' Dr.-Ing. Ir. Renuganth Varatharajoo
   Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)

4. Profesor Dato' Dr. Mohd Azmi Mohd Lila
   Pemangku Pendaftar, Pejabat Pendaftar

5. Encik Zulkiflee Othman
   Bursar, Pejabat Bursar

6. Profesor Dr. Amin Ismail
   Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti
   **(Wakil Pengurusan)**

7. Profesor Madya Dr. Noor Azman Ali
   Timbalan Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti
   **(Penolong Wakil Pengurusan)**

8. Encik Krishnan Mariappan
   Pusat Pembangunan Maklumat & Komunikasi
   **(Timbalan Wakil Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)**

9. Encik Mustaffa Dollah **Setiausaha**
   Pusat Jaminan Kualiti

10. Profesor Dr. Abdul Shukor Juraimi
    Dekan, Fakulti Pertanian

11. Profesor Dr. Mohd. Hair Bejo
    Dekan, Fakulti Perubatan Veterinar

12. Profesor Dr. Ahmad Hariza Hashim
    Dekan, Fakulti Ekologi Manusia

13. Profesor Dr. Zamberi Sarkawi
    Dekan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

14. Profesor Dr. Ahmad Zaharin Aris
    Dekan, Fakulti Pengajian Alam Sekitar

15. Profesor Dr. Robiah Yunus
    Dekan, Sekolah Pengajian Siswazah

16. Profesor Dr. Abdul Rahman Omar
    Pengarah, Institut Biosains

17. Prof. Madya Dr. Mohd Nizar Hamidon
    Pengarah, Institut Teknologi Maju

18. Y.M. Profesor Dr. Tengku Aizan Tengku Abdul Hamid
    Pengarah, Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia

19. Profesor Dr. Shuhaimi Mustafa
    Pengarah, Institut Penyelidikan Produk Halal

20. Profesor Dr. Ainuddin Nuruddin
    Pengarah, Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan

21. Profesor Madya Dr. Mansor Abu Talib
    Pengarah, Pusat Transformasi Komuniti Universiti

22. Profesor Madya Dr. Fatimah Sidi
    Pengarah, Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi

23. Profesor Madya Dr. Norihan Md. Ariffin
    Pengarah, Pusat Asasi Sains Pertanian

24. Profesor Madya Dr. Arshad Abdul Samad
    Pengarah, Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa

25. Profesor Madya Dr. Nur Izura Udzir
    Pengarah, Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar

26. Tuan Haji Mat Razi Abdullah
    Pengarah, Pusat Islam Universiti

27. Dr. Mass Hareeza Ali @ Hamid
    Pengarah, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan

28. Profesor Dr. Shamsul Bahri Haji Mohd Tamrin
    Pengarah, Pusat Hubungan dan Jaringan Industri

29. Profesor Dr. Zainal Abidin Talib
    Pengarah, Pusat Antarabangsa

30. Profesor Dr. Shamala K. Subramaniam
    Pengarah, Akademi Sukan

31. Profesor Dr. Sidek Ab. Aziz
    Pengetua, Kolej Tun Dr. Ismail

32. Profesor Madya Dr. Khairulmazmi Ahmadd
    Pengetua, Kolej 14 & Kolej 16

33. Profesor Madya Dr. Azani Alias
    Pengetua, Kolej Canselor

34. YBhg. Profesor Dr. Daud Ahmad Asraf Ali
    Pengetua, Kolej Tujuh Belas

35. Dr. Hajah Fauziah Adnan
    Ketua, Pusat Kesihatan Universiti

36. Puan Kamariah Mohd. Saidin
    Ketua Penerbit

37. Encik Mohd. Nazri bin Md. Yassin
    Pejabat Naib Canselor

38. Tuan Haji Rosdi Wah
    Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

39. Puan Zainaf Udin
    Sekolah Pengajian Siswazah

40. En. Shahriman Hashim
    Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

41. Puan Noorizai Mohamad Noor
    Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

42. Puan Hajah Izariahwati Mohd Isa
    Pejabat Bursar

43. Puan Nor Adida Ab. Khalid
    Pejabat Pendaftar

44. Encik Ahmad Nizam Abdullah
Pusat Pembangunan Akademik

45. Encik Rosmi Othman
Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi

46. Encik Mohd Zamanu Al-Mohtadi Ekhwan
Pejabat Pembangunan & Pengurusan Aset

47. Encik Mohd. Khairul Zainal Abidin
Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

48. Encik Roslan Parjo
Pusat Kesihatan Universiti

49. Encik Alzasha Illiyyin Zainal Alam
Pusat Islam

50. Tuan Haji Amran Zakaria
Pusat Asasi Sains Pertanian

51. ASP/PB Ibrahim Hassan
Bahagian Keselamatan

52. Puan Nurazlin Jaafar
Kolej Keenam

53. Encik Ludinata Misnun
Fakulti Perubatan Veterinar

54. Tuan Haji Abdul Ghaffar Othman
Taman Pertanian Universiti

55. Encik Abd. Razak Ahmad
Penerbit

56. Encik Shaifol Yazam Mat
Perpustakaan Sultan Abdul Samad

57. Puan Nurhanisah Sadun
Pusat Jaminan Kualiti

58. Puan Fairuz Bawaze'er Muchtar
Pusat Antarabangsa

59. Cik Syaakiratul Hasanah Rossidi
    Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa

60. Puan Salinah@Lina Junid
    Fakulti Pertanian

61. Encik Mohd. Sopian Mohd. Zin
    Fakulti Perhutanan

62. Puan Noraihan Noordin
    Fakulti Kejuruteraan

63. Encik Mohd. Pauzi Abdul Karim
    Fakulti Pengajian Pendidikan

64. Encik Hisyamuddin Hashim
    Fakulti Sains

65. Puan Sarah Salwah Adnan
    Fakulti Sains dan Teknologi Makanan

66. Encik Nasrudin Yahya
    Fakulti Ekologi Manusia

67. Puan Zuraidah Ahmad
    Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

68. Tuan Haji Mohd. Aris Fadzilah Hj. Abdullah
    Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

69. Encik Mohd Hairi Abd Aziz
    Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

70. Puan Juita Md Tahir
    Fakulti Pengajian Alam Sekitar

71. Encik Sudirman Asmadi
    Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, UPM KB

72. Encik Mhd. Hussin Abd. Rahim
    Institut Biosains

73. Encik Ayup
    Institut Teknologi Maju

74. Puan Farah Deena Zainol
Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia

75. Puan Nurul Hidayah binti Samadi
Institut Penyelidikan Matematik

76. Puan Wan Nahariah binti Wan Tahir
Institut Penyelidikan Produk Halal

77. Cik Aidawati binti Ramali
Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan

78. Encik Zamre Yaacob
Institut Pengajian Sains Sosial

79. Puan Rina Mazni Musa
Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITAFOS)

80. Encik Fakhrulddin Ismail
Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik

81. Puan Jennifer Lendai Kundat
Hospital Pengajar

82. Puan Rozi binti Tamin
Pusat Jaminan Kualiti
**(Penyelaras Audit Dalam)**

83. Pn. Shamriza binti Shari
Pusat Jaminan Kualiti
**(Penyelaras Kawalan Dokumen)**

84. Cik Norzaina Darus
Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi
**(Penyelaras Kepuasan Pelanggan)**

85. Encik Muhazam Mansor
Penjabat Pendaftar
**(Pegawai Rekod Jabatan Universiti)**

86. Puan Saliza Mustafa
Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi

TIDAK HADIR

1. Profesor Dr. Zulkifli Idrus
   Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

2. Profesor Dr. Mohd Roslan Sulaiman
   Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

3. Encik Muzaffar Shah Kassim
   Ketua Pustakawan, Perpustakaan Sultan Abdul Samad

4. Profesor Dr. Azmawani Abd Rahman
   Pengarah, Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi

5. Puan Nor Siah Haji Baharin
   Penasihat Undang-Undang, Pejabat Penasihat Undang-Undang

6. Profesor Dr. Bujang Kim Huat
   Pengarah, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu

7. Dr. Mariani Ho Nyuk Onn@Ariffin
   Fakulti Pengajian Alam Sekitar
   Timbalan Wakil Pengurusan EMS

8. Profesor Dr. Mohamed Zakaria Hussin
   Dekan, Fakulti Perhutanan

9. Profesor Dr. Azali Mohamed
   Dekan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan

10. Profesor Dr. Nor Kamariah Noordin
    Dekan, Fakulti Kejuruteraan

11. Profesor Dr. Aida Suraya Md Yunus
    Dekan, Fakulti Pengajian Pendidikan

12. Profesor Dr. Bayaruddin Abdul Rahman
    Dekan, Fakulti Sains

13. Profesor Dr. Nazamid Saari
    Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan

14. Dekan, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

15. Profesor Madya Lar. Dr. Osman Mohd. Tahir
Dekan, Fakulti Rekabentuk dan Senibina

16. Profesor Madya Dr. Abu Bakar Md. Sultan
Dekan, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

17. Profesor Dr. Arbakariya Ariff
Dekan, Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul

18. Profesor Madya Dr. Shahrul Razid Sarbini
Dekan, Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, UPMKB

19. Profesor Madya Dr. Noor Akma Ibrahim
Pengarah, Institut Penyelidikan Matematik

20. Profesor Madya Dr. Shaufique Fahmi Ahmad Sidique
Pengarah, Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan

21. Profesor Madya Dr. Asnarulkhadi Abu Samah
Pengarah, Institut Pengajian Sains Sosial

22. Profesor Dr. Mohd Rafii Yusop
Pengarah, Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan

23. Profesor Datin Dr. Siti Nor Akmar Abdullah
Pengarah, Institut Kajian Peladangan

24. Profesor Dr. Aziz Arshad
Pengarah, Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik

25. Profesor Dr. Mohamad Hamiruce Marhaban
Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan

26. Profesor Dr. Muta Harah Zakaria@Ya
Pengarah, Pusat Pembangunan Akademik

27. Encik Abdullah Arshad
Pengarah, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Abdul Aziz Shah

28. Profesor Madya Dr. Hazandy Abdul Hamid
Pengarah, Pusat Alumni

29. Profesor Datin Dr. Rozi Mahmud
Pengarah, Pusat Pengimejan Diagnostik Nuklear

30. Pengarah, Pusat Pengurusan dan Penyelidikan Kanser

31. Dr. Razali Othman
    Pengarah, Pusat Wakaf, Zakat dan Endowmen

32. Profesor Ir. Dr. Faizal Mustapha
    Pengarah, Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset

33. Dr. Mohd Rafee Baharudin
    Pengarah, Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

34. DSP/PB Bahari Salim
    Pemangku Pengarah Keselamatan, Bahagian Keselamatan

35. Profesor Madya Dr. Yahya Awang
    Pengarah, Taman Pertanian Universiti

36. Profesor Dr. Samsilah Roslan
    Pengarah, Putra Science Park

37. Profesor Madya Dr. Hj. Muhammad Mohd Isa
    Pengarah, Hospital Pengajaran

38. Profesor Madya Dr. Ahmad Shukri Muhammad Noor
    Pengetua, Kolej Mohamad Rashid & Kolej 13

39. Lt. Kdr. Profesor Madya Gs. Dr. Mohd Hasmadi Ismail
    Pengetua, Kolej Alaeddin Suleiman Shah

40. Profesor Madya Dr. Ariffin Abdu
    Pengetua, Kolej Tun Perak & Kolej Pendeta Za'aba

41. Profesor Ir. Dr. B.T. Hang Tuah Baharudin
    Pengetua, Kolej 10 & Kolej 11

42. Profesor Dr. Mohamad Aris Mohd Moklas
    Pengetua, Kolej 12 & Kolej 15

43. Dr. Hanafiah Ayub
    Ketua, Pusat Sukan

44. Puan Zainora Abdul Talib
    Ketua, Bahagian Audit Dalam

45. Puan Siti Rozana Supian
    Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)

46. Encik Muhammad Adil Ahmad Tajuddin
    Pejabat Penasihat Undang-Undang

47. Encik Amiruddin Abd Aziz
    Fakulti Ekonomi dan Pengurusan

48. Encik Wan Mohd Radzi Wan Ismail
    Fakulti Rekabentuk dan Senibina

49. Encik Suhaifi Sulaiman
    Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul

50. Puan Nor Baizura Zamri
    Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan.

51. Encik Mustapha Kamal Tahir
    Institut Kajian Peladangan

52. Cik Nor Azizah Tamsi
    Pejabat Pendaftar

TURUT HADIR

1. Profesor Madya Dr. Azlizam Aziz
   Fakulti Perhutanan

2. Profesor Madya Dr. Ismi Arif Ismil
   Fakulti Pengajian Pendidikan

3. Profesor Dr. Zuriati Ahmad Zukainain
   Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

4. Profesor Dr. Rosfarizan Mohamad
   Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul

5. Profesor Madya Gs. Dr. Mohd Johari Mohd Yusof
   Fakulti Rekabentuk dan Senibina

6. Profesor Madya Dr. Hisyamuddin Zainuddin
   Institut Penyelidikan Matematik

7. Profesor Madya Dr. Hanina Halimatusadiah Hamsan
   Institut Pengajian Sains Sosial

8. Dr. Suhyna Mohamad Sulaiman
   Pusat Kesihatan Universiti

9. Encik Noor Mohammad Shakil Hameed
   Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi

10. Puan Salmee Suhana Hashim
    Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser

11. Puan Siti Khadijah Ahmad
    Pejabat Pendaftar

12. Encik Muhamad Asyraf Arshad
    Pejabat Penasihat Undang-Undang

13. Puan Nur Fazrina Ismail
    Pejabat Pendaftar

14. Puan Askina Aziz
    Kolej Tun Perak

15. Puan Madiha Hailani
    Fakulti Rekabentuk dan Senibina

16. Puan Siti Fatimah Hasim
    Pusat Jaminan Kualiti